



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**PANDUAN:
PERKHIDMATAN SEWAAN ATAU
PAJAKAN
(Versi 2)**

Diterbitkan oleh :

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Putrajaya

14 Mei 2026

Penerbitan

Tarikh: **14 Mei 2026**

Panduan Perkhidmatan Sewaan atau Pajakan (Versi 2) bertarikh 14 Mei 2026 ini menggantikan Panduan Perkhidmatan Sewaan atau Pajakan (Versi 1) yang bertarikh 9 Jun 2025.

Versi 1 bertarikh 9 Jun 2025.

Versi 2 bertarikh 14 Mei 2026.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	2
Terminologi	2
Pengenaan dan Skop Cukai	3
Operasi Industri Secara Umum	5
Skop Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan	5
Layanan Cukai Perkhidmatan	6
Orang Kena Cukai	6
Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai	6
Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan Yang Bercukai	7
Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan Yang Tidak Bercukai	10
Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan	12
A. Pengecualian Pembayaran Cukai Perkhidmatan Melalui Perintah Warta (Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan Di Bawah Aktiviti <i>Business to Business</i> (B2B))	12
B. Pengecualian Pembayaran Cukai Perkhidmatan Selaras Dengan Kuasa Menteri Kewangan Di Bawah Seksyen 34(3)(a) dan 34(4), ACP 2018	16
Mengakaunkan Cukai Perkhidmatan	22
Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar	23
Tempoh Peralihan	26
Kesan Perubahan Dalam Perkhidmatan Bercukai	26
Soalan–soalan Lazim	28
Pertanyaan	39
Bantuan Selanjutnya dan Informasi Berkaitan SST	39

PENGENALAN

1. Cukai perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) mana-mana perkhidmatan bercukai perkhidmatan yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (PPCP) 2018.
4. Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan bagi menyediakan perkhidmatan bercukai dan perkhidmatan tersebut telah melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan (nilai ambang) hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Orang tersebut adalah dikenali sebagai 'orang berdaftar' dan perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan bagi membantu pihak industri untuk memahami perkara berkaitan dengan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajak.

TERMINOLOGI

6. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:

“Aset ketara” ertinya aset yang mempunyai bentuk fizikal;

“Rumah tempat tinggal” adalah merujuk sebagai bangunan kediaman dalam geran hak milik termasuklah pejabat kecil pejabat rumah, pangsapuri servis, kondominium servis, suite perkhidmatan atau suite kediaman;

"Sewaan atau pajak" ertinya pemberian hak untuk menggunakan aset ketara dari suatu pihak kepada suatu pihak yang lain untuk suatu tempoh melalui perjanjian sama ada secara bertulis atau lisan;

"Kawasan ditetapkan" ertinya Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Pulau 1 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];

"Kawasan khas" ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];

"Kereta sewa" ertinya suatu kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi enam orang atau, dalam Kawasan yang diluluskan oleh Suruhanjaya, dua belas orang (dalam semua keadaan termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang dalam satu perjalanan sebagai balasan bagi bayaran berasingan yang dibuat oleh mereka (Jadual Pertama, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]).

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

7. Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, Kementerian Kewangan Malaysia telah menambahbaik cukai perkhidmatan dengan memperluaskan skop cukai perkhidmatan meliputi perkhidmatan komersil bagi tujuan menambah hasil dan meluaskan asas percukaian negara.

8. Berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, perkhidmatan sewaan atau pajak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah ruang dua (2), Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018.

9. Selaras dengan subseksyen 10(2), ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajak seperti berikut:

- i. 8%: 1 Julai 2025 – 31 Disember 2025,
- ii. 6%: Bermula 1 Januari 2026.

10. Layanannya dalam tempoh peralihan ke atas kesan perubahan dalam perkhidmatan bercukai hendaklah mengguna pakai Peraturan 3A, PPCP 2018.
11. Bagi menyelaraskan layanan cukai terhadap perkhidmatan sewaan atau pajakan, pindaan telah dibuat ke atas PPCP 2018 seperti berikut :
- i. Perkhidmatan penyewaan ruang di bawah butiran (c), ruang (2), Kumpulan B, Jadual Pertama, PPCP 2018 telah menjadi suatu perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018 berkuat kuasa 1 Julai 2025.
 - ii. Perkhidmatan sewaan kenderaan penumpang (merupakan perkhidmatan kereta sewa dan pandu, perkhidmatan bas carter, perkhidmatan bas persiaran) di butiran 7, Kumpulan I, Jadual Pertama, PPCP 2018 telah menjadi suatu perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018.
 - iii. Perkhidmatan kereta sewa yang dahulunya merupakan perkhidmatan bercukai di bawah butiran 7, Kumpulan I, Jadual Pertama, PPCP 2018 telah tidak menjadi suatu perkhidmatan bercukai berkuat kuasa 1 Julai 2025.
 - iv. Orang kena cukai bagi penyediaan perkhidmatan kereta sewa dan pandu, perkhidmatan bas carter dan perkhidmatan bas persiaran **tidak lagi terhad** kepada pengendali yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594]. Bermula 1 Julai 2025, mana – mana orang yang menyediakan perkhidmatan kereta sewa dan pandu, perkhidmatan bas carter dan perkhidmatan bas persiaran adalah bertanggungjawab untuk mendaftar sekiranya nilai perkhidmatan sewaan mencapai nilai ambang yang telah ditetapkan.

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Skop Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan

12. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018.
13. Sewaan atau pajakan merujuk kepada pemberian hak kebenaran untuk menggunakan aset ketara dari suatu pihak kepada suatu pihak yang lain untuk suatu tempoh melalui perjanjian sama ada secara bertulis atau lisan.
14. Perkhidmatan sewaan atau pajakan meliputi perjanjian sewaan atau pajakan ke atas sesuatu aset ketara yang terletak di Malaysia di antara pemberi sewa atau pemberi pajak dengan penyewa atau penerima pajak bagi suatu tempoh.
15. Dalam konteks cukai perkhidmatan, hanya **pajakan operasi yang tertakluk kepada pengenaan cukai tersebut, sebaliknya pajakan kewangan** tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana berlaku pemindahan hak milik aset pada penghujung tempoh.
16. Perkhidmatan sewaan atau pajakan bagi skop pengenaan cukai perkhidmatan adalah **tidak termasuk** perkhidmatan sewaan atau pajakan berikut :
- i. bagi sewaan atau pajakan rumah tempat tinggal;
 - ii. bagi sewaan atau pajakan bahan bacaan;
 - iii. bagi sewaan atau pajakan aset ketara yang terletak di luar Malaysia; atau
 - iv. pajakan aset ketara melalui suatu pajakan kewangan.
17. Antara contoh rumah tempat tinggal dinyatakan pada para 16(i) adalah seperti berikut:
- i. rumah teres;
 - ii. rumah banglo;
 - iii. pangsapuri servis;
 - iv. rumah pangsa;
 - v. rumah mampu milik;
 - vi. kondominium;

- vii. rumah berkembar;
- viii. pejabat kecil pejabat rumah (SOHO);
- ix. kondominium servis;
- x. suite perkhidmatan; atau
- xi. suite kediaman

Nota: senarai di atas adalah tidak terhad

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN

Orang Kena Cukai

18. Orang kena cukai ditakrifkan sebagai orang berdaftar atau orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
19. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan dan nilai perkhidmatan melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan iaitu RM1 juta (nilai ambang) adalah merupakan orang kena cukai selaras dengan peruntukan di bawah ruang (1) Kumpulan K, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai

20. Jumlah nilai perkhidmatan bercukai atau nilai ambang yang ditetapkan adalah melebihi RM1 juta bagi tempoh dua belas (12) bulan. Nilai ini meliputi keseluruhan nilai penyediaan semua jenis perkhidmatan sewaan atau pajakan aset ketara termasuk apa-apa perkhidmatan lain yang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan itu kecuali penyediaan perkhidmatan bagi sewaan atau pajakan rumah tempat tinggal, bahan bacaan, aset ketara yang terletak di luar Malaysia atau aset ketara melalui suatu pajakan kewangan.
21. Pengiraan nilai ambang untuk tujuan pendaftaran cukai perkhidmatan turut meliputi nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan yang diberi pengecualian oleh Menteri Kewangan di bawah peruntukan seksyen 34(3)(a) atau 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan Yang Bercukai

22. Penyediaan semua jenis perkhidmatan sewaan atau pajakan termasuk apa-apa perkhidmatan lain yang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan tidak termasuk perkhidmatan yang dinyatakan di para 16 di atas. Perkhidmatan sewaan atau pajakan tersebut termasuklah:

i. **Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan.**

Contoh 1

Syarikat AAK Sdn Bhd menyewakan ruang bangunan komersil bagi kegunaan pejabat kepada pelanggan. Tempoh perjanjian sewaan adalah selama 3 tahun dan Syarikat AAK Sdn Bhd akan mengenakan bayaran sewa bulanan. Perkhidmatan sewaan ruang bangunan komersil tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 2

Syarikat KNK Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pajakan mesin pencetak kepada Syarikat H&H Sdn Bhd untuk tempoh perjanjian selama 5 tahun. Syarikat KNK Sdn Bhd mengenakan bayaran pajakan secara bulanan dan mesin pencetak tersebut akan dikembalikan kepada Syarikat KNK Sdn Bhd pada akhir tempoh pajakan. Perkhidmatan pajakan mesin pencetak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 3

Syarikat NSB menyewa sebuah unit Small Office Flexible Office (SOFO) untuk dijadikan sebagai pejabat pengurusan dari Syarikat MAF. Perkhidmatan sewaan SOFO tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

- ii. **Memperoleh perkhidmatan sewaan atau pajakan dari penyedia perkhidmatan luar Malaysia.**

Contoh 4

Syarikat EMD Sdn Bhd (Malaysia) menyewa jentera berat dari LTM Ltd (Singapura) yang berada di Puteri Harbour, Johor. Perkhidmatan sewaan jentera berat ini adalah tertakluk kepada perkhidmatan bercukai diimport.

- iii. **Menyediakan sewaan atau pajakan termasuk perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan dan perkhidmatan lain.**

Contoh 5

Syarikat ZMA Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan sewaan komputer riba kepada Syarikat ZAK Sdn Bhd. Dalam kontrak perjanjian, bayaran tetap sewaan bulanan adalah sebanyak RM 1,000.00. Bayaran sewaan bulanan adalah termasuk penyenggaraan, pembekalan alat ganti atau kerja-kerja pembaikan sekiranya terdapat kerosakan kepada komputer riba tersebut sepanjang tempoh penyewaan. Perkhidmatan sewaan komputer riba yang mana perkhidmatan penyenggaraan atau pembaikan dan perkhidmatan lain merupakan sebahagian dari kontrak perjanjian sewaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6

ABC Sdn. Bhd. (ABC) pemilik Kompleks Tinkerbell menyewakan lot-lot kedai dengan mengenakan caj sewa yang termasuk caj pengurusan penyenggaraan. Caj sewa yang termasuk caj pengurusan penyenggaraan dinyatakan di dalam Perjanjian Sewaan (Tenancy Agreement) dan perlu dibayar setiap bulan. Berdasarkan perjanjian sewaan, caj pengurusan penyenggaraan adalah nilai sumbangan (contribution) ke atas pelbagai perkhidmatan yang perlu dibuat di kawasan umum (common area). Caj sewaan dan perkhidmatan pengurusan penyenggaraan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan sewaan adalah suatu perkhidmatan bercukai.

iv. Menyediakan perkhidmatan sewaan haiwan atau tumbuhan

Contoh 7

L&G Sdn Bhd menyewa 5 ekor kuda daripada K&K Sdn Bhd untuk digunakan dalam acara persembahan. Perkhidmatan penyewaan kuda yang dibuat oleh K&K Sdn Bhd kepada L&G Sdn Bhd adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

v. Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajak bagi aset boleh alih yang terletak di Malaysia kepada pelanggan di luar Malaysia.

Contoh 8

Syarikat APX Sdn Bhd (APX) menyewakan 2 unit mesin penuai padi milik APX kepada PRD Co. Ltd. yang berpusat di Pattani, Thailand untuk aktiviti penuaian padi di negeri Perlis. Perkhidmatan sewaan mesin penuai padi adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

vi. Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajak bagi aset boleh alih yang terletak di Malaysia.

Contoh 9

Syarikat MFR Sdn Bhd telah menandatangani kontrak sewaan sepuluh (10) unit kontena berpendingin (reefer containers) dengan Syarikat EMD Bhd bagi tempoh 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2034. Kontena-kontena tersebut berpangkalan di Pelabuhan Klang dan digunakan oleh Syarikat MFR Sdn Bhd bagi tujuan penghantaran dagangan dari Malaysia ke Korea Selatan. Perkhidmatan sewaan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

23. Contoh di atas tidak terhad ke atas semua perkhidmatan sewaan atau pajak yang disediakan oleh orang berdaftar kepada pelanggannya yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Sewaan Atau Pajak Yang Tidak Bercukai

24. Perkhidmatan sewaan atau pajak berikut adalah tidak termasuk dalam skop perkhidmatan bercukai:

- i. Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajak bagi aset boleh alih yang terletak di luar Malaysia.**

Contoh 10

Syarikat APX Sdn Bhd (APX) menyewakan 2 unit mesin penuai yang berada di Thailand kepada PRD Co. Ltd. yang berpusat di Pattani, Thailand. Perkhidmatan sewaan mesin penuai tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia berkaitan dengan perkhidmatan sewaan aset boleh alih yang terletak di luar Malaysia.

- ii. Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajak bagi rumah tempat tinggal.**

Contoh 11

Syarikat TPS Sdn Bhd menyewakan 5 unit kondominium kepada Syarikat LGU Sdn Bhd untuk pekerja-pekerjanya. Perkhidmatan sewaan bagi rumah tempat tinggal tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 12

Ahmad menyewakan seunit Small Office Home Office (SOHO) daripada Syarikat POY Properties Sdn Bhd untuk dijadikan kediaman. Perkhidmatan sewaan SOHO tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

- iii. **Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajak di antara atau di dalam Kawasan Khas atau Kawasan Yang Ditetapkan dan di antara Kawasan Khas dan Kawasan Yang Ditetapkan.**

Contoh 13

Syarikat MRY Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat yang mempunyai tempat perniagaan utama di Langkawi. Syarikat ini menyediakan perkhidmatan sewaan bas persiaran kepada Syarikat SHY Sdn Bhd yang juga tempat perniagaan utamanya beroperasi di sana. Memandangkan bas dan kedua-dua syarikat berpangkalan di Langkawi, perkhidmatan sewaan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- iv. **Menyediakan perkhidmatan pajak kewangan.**

Contoh 14

Puan Sri EMD membeli rumah kediaman berharga RM11,750,000 di Sepang, Selangor. Untuk membiayai pembelian rumah tersebut, Puan Sri EMD membuat pinjaman dengan NZM Bank selama 15 tahun. Pinjaman rumah yang dibuat oleh Puan Sri EMD adalah merupakan pajak kewangan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- v. **Menyediakan perkhidmatan sewaan bahan bacaan.**

Contoh 15

HHMK Enterprise terlibat dalam festival pameran buku di Kuala Lumpur. HHMK Enterprise menyewa buku dan transkrip purba dari pembekal tempatan untuk dipamerkan di kiosk semasa festival tersebut. Penyewaan buku dan transkrip purba yang disediakan oleh HHMK Enterprise adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Contoh 16

Kedai Buku B2R menyediakan perkhidmatan sewaan buku, komik dan lain-lain bahan bacaan kepada pelanggan. Perkhidmatan sewaan bahan bacaan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PENGECUALIAN DARIPADA MEMBAYAR CUKAI PERKHIDMATAN

25. Orang berdaftar di bawah ACP 2018 layak memperoleh kemudahan pengecualian cukai perkhidmatan yang diperuntukkan di bawah Akta mengikut ketetapan yang dinyatakan.

26. Menteri Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 34, ACP 2018 melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut olehnya, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai atau mana-mana perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh.

A. Pengecualian Pembayaran Cukai Perkhidmatan Melalui Perintah Warta (Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan Di Bawah Aktiviti *Business to Business (B2B)*)

- I. Berkuat kuasa 1 Julai 2025, pengecualian cukai perkhidmatan diberikan kepada orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1) Kumpulan K, dalam Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 bagi perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam ruang (2), Kumpulan K, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
- II. Pengecualian ini layak digunakan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah ruang (4), butiran (8), Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang yang Dikecualikan dari Pembayaran Cukai) 2018 seperti berikut:

- (a) Penerima perkhidmatan merupakan orang berdaftar di bawah Kumpulan K;

- (b) Penyedia perkhidmatan merupakan orang berdaftar di bawah Kumpulan K;
 - (c) Perkhidmatan yang dikecualikan cukai adalah perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh orang berdaftar di bawah Kumpulan K; dan
 - (d) Perkhidmatan bercukai yang dikecualikan hendaklah digunakan untuk penyewaan atau pemajakan semula dan bukan untuk kegunaan sendiri.
- III. Sekiranya orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai menyewakan semula atau memberi pajak semula sebahagian perkhidmatan bercukai, cukai perkhidmatan yang layak dikecualikan adalah atas sebahagian perkhidmatan bercukai itu sahaja.
- IV. **Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajak semula.**

Contoh 17


MOW Sdn Bhd mempunyai sebuah gedung membeli belah dan menyewakan lot ruang perniagaan kepada STW Enterprise. MOW Sdn Bhd dan STW Enterprise adalah orang berdaftar di bawah Kumpulan K. STW Enterprise pula menyewakan lot ruang perniagaan tersebut kepada GLX Enterprise dengan kebenaran MOW Sdn Bhd. Perkhidmatan sewaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, bagi perkhidmatan sewaan semula MOW Sdn Bhd dan STW Enterprise layak menggunakan kemudahan B2B kerana memenuhi syarat-syarat di dalam Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Manakala perkhidmatan sewaan STW Enterprise kepada GLX Enterprise adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Contoh 18

Ilustrasi 1



Merujuk kepada Ilustrasi 1, STR dan FGT merupakan sebuah syarikat yang baharu berdaftar pada bulan Disember 2025 dan tarikh kuat kuasa pendaftaran ialah 1 Januari 2026. Tempoh bercukai pertama bagi STR dan FGT ialah Januari – Februari 2026.

Syarikat FGT Sdn Bhd menyewa bangunan daripada Syarikat STR Sdn Bhd bermula 1 Januari 2026 dengan bayaran sewaan bulanan RM5,000,000.00 untuk disewakan semula. STR tidak mengenakan cukai perkhidmatan kepada FGT bermula 1 Januari sehingga 28 Februari 2026 kerana memenuhi syarat B2B.

Walau bagaimanapun, Syarikat FGT Sdn Bhd tidak dapat menyewakan semula sehingga 28 Februari 2026. Syarikat FGT Sdn Bhd hendaklah mengaunkan cukai perkhidmatan (self-account) dari 1 Januari 2026 sehingga 28 Februari 2026 mengikut setiap tempoh bercukai.

Cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh syarikat FGT Sdn Bhd adalah RM5,000,000.00 X 6% = RM300,000.00 sebulan. Syarikat FGT Sdn Bhd hendaklah mengakaunkan, mengemukakan penyata SST-02 dan membayar cukai sebanyak RM300,000.00 sebulan mengikut setiap tempoh bercukai sehingga 28 Februari 2026.

Bagi bulan Mac 2026 dan seterusnya, bangunan telah disewakan atau dipajakan semula. FGT tidak perlu lagi mengakaunkan nilai cukai perkhidmatan bagi bangunan yang tidak dapat disewakan semula (self-account).

V. Menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan semula secara sebahagian.

Contoh 19

Syarikat ANL Sdn Bhd merupakan pemilik bangunan 10 tingkat dan menyewakan kepada Syarikat JAR Sdn Bhd pada harga RM200,000.00 sebulan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025. Syarikat JAR Sdn Bhd memaklumkan akan menggunakan 3 tingkat bangunan tersebut untuk tujuan perniagaan sendiri manakala baki 7 tingkat adalah untuk sewaan semula.

Bermula 1 Julai 2025, Syarikat ANL Sdn Bhd akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas 3 tingkat bangunan tersebut dan Syarikat JAR Sdn Bhd layak menggunakan fasiliti pengecualian cukai perkhidmatan (B2B) untuk 7 tingkat yang akan disewakan semula tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Namun demikian, Syarikat JAR Sdn Bhd masih tidak dapat mencari penyewa sehingga 30 September 2025. Oleh itu, Syarikat JAR Sdn Bhd hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan bagi tempoh Julai hingga September 2025 mengikut tempoh bercukai masing-masing kerana tidak memenuhi syarat pengecualian cukai perkhidmatan (B2B).

Bermula 1 Oktober 2025, Syarikat JAR Sdn Bhd menyewakan 7 tingkat bangunan tersebut kepada Syarikat LGU Sdn Bhd pada harga RM220,000.00 sebulan dengan mengenakan cukai perkhidmatan 8%. Syarikat JAR Sdn Bhd tidak perlu lagi mengakaunkan cukai perkhidmatan dan layak menggunakan fasiliti pengecualian cukai perkhidmatan (B2B) ke atas 7 tingkat bangunan yang disewa semula tersebut.

- VI. Orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan dalam penyata SST-02 sekiranya tiada sewaan atau pajakan semula bagi mana-mana bulan dan cukai perkhidmatan hendaklah dibayar oleh orang itu mengikut tempoh bercukainya.

B. Pengecualian Pembayaran Cukai Perkhidmatan Selaras Dengan Kuasa Menteri Kewangan Di Bawah Seksyen 34(3)(a) dan 34(4), ACP 2018

I. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi pengecualian daripada mengenakan dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan.

Contoh 20

Syarikat ABC Sdn Bhd telah menerima pesanan tempatan (LO) daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk sewaan ruang acara bagi Majlis Anugerah Cemerlang Jabatan. JKDM dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan ruang acara yang diperolehi daripada Syarikat ABC Sdn Bhd. Oleh itu, Syarikat ABC Sdn Bhd yang menyediakan perkhidmatan sewaan kepada JKDM tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan tetapi hendaklah mengakaunkan nilai perkhidmatan sewaan tersebut sebagai perkhidmatan yang dikecualikan di dalam ruang (2), Butiran18(c), Penyata SST-02.

II. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pihak berkuasa tempatan (PBT) diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajak mulai 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025.

III. Kontrak Tanpa Peluang Untuk Dikaji Semula

Bagi mana-mana kontrak sewaan atau pajak tanpa peluang untuk dikaji semula (*non-reviewable contract*) diberikan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan bagi tempoh satu (1) tahun iaitu dari 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan;
- (b) Kontrak tersebut tidak mengandungi klausa semakan semula harga atau apa-apa mekanisme pelarasan nilai;
- (c) Kontrak dibuat secara bertulis, ditandatangani dan dimeterai diti setem oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum atau pada 9 Jun 2025; dan
- (d) Kontrak dengan jelas menyatakan:
 - (i) jenis perkhidmatan yang disediakan;
 - (ii) nilai kontrak yang tetap;
 - (iii) tempoh kontrak; dan
 - (iv) Kontrak masih berkuat kuasa selepas 1 Julai 2025.

IV. Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajak diberikan kepada penyewa yang berstatus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mengurangkan kos operasi perniagaan. Kelayakan menggunakan pengecualian ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penyewa hendaklah membuat pendaftaran dan pengikraran PMKS melalui sistem MyPMK yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- (b) Jualan tahunan PMKS hendaklah tidak melebihi **RM1,500,000.00** berdasarkan pendapatan tahunan tahun **taksiran terkini** yang diikrar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- (c) Jualan tahunan PMKS hendaklah dikemaskini setiap tahun kepada JKDM;
- (d) Penyewa hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diikrar kepada JKDM;
- (e) Sekiranya pengikraran yang dibuat oleh PMKS didapati tidak benar, maka pihak JKDM boleh memungut semula cukai perkhidmatan yang tidak layak dikecualikan di bawah peruntukan seksyen 34(5), Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan
- (f) Lain-lain syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam, Timbalan Ketua Pengarah Kastam atau Penolong Ketua Pengarah Kastam (Cukai Dalam Negeri) bagi tujuan kelancaran operasi dan kawalan.

Mana-mana PMKS yang telah berdaftar melalui sistem MyPMK sebelum atau pada 31 Disember 2025, pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajak adalah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

Bagi mana-mana PMKS yang mendaftar melalui sistem MyPMK mulai 1 Januari 2026, pengecualian ini berkuat kuasa dari tarikh pendaftaran di dalam sistem tersebut.

V. **Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Baharu**

Mulai 1 Januari 2026, penyewa berstatus PMKS yang baharu menubuhkan perniagaan diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajak. Pengecualian ini diberikan bagi tempoh 1 tahun dari tarikh pendaftaran PMKS dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau agensi yang seumpamanya di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) Penyewa hendaklah membuat pendaftaran dan pengiklanan PMKS melalui sistem MyPMK yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
- (b) PMKS yang baharu menubuhkan perniagaan hendaklah mengemukakan penyata cukai pendapatan kepada LHDN bagi melayakkannya mendapatkan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajak selepas tempoh satu (1) tahun sedia ada tamat; dan
- (c) Mengemaskini maklumat pengisytiharan pendapatan LHDN ke dalam sistem MyPMK pada tahun berikutnya selepas tarikh pendaftaran SSM.

VI. **Perkhidmatan Syarikat Dalam Suatu Kumpulan Yang Sama**

Pengecualian daripada membayar cukai diberikan kepada syarikat dalam suatu kumpulan yang menerima perkhidmatan sewaan atau pajak daripada mana-mana syarikat lain dalam kumpulan yang sama (*group relief*), sama ada di dalam atau di luar Malaysia sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

1. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajak dalam ruang (2) dalam Kumpulan K kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama, perkhidmatan itu dikecualikan daripada pembayaran cukai

perkhidmatan;

2. Suatu syarikat hendaklah dianggap sebagai mengawal suatu syarikat yang lain jika:
 - (i) syarikat pertama yang disebut memegang:
 - (a) secara langsung;
 - (b) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
 - (c) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari, lebih daripada lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut; atau
 - (ii) syarikat pertama yang disebut memegang:
 - (a) secara langsung;
 - (b) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
 - (c) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari, daripada dua puluh peratus hingga lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut dan syarikat pertama yang disebut mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.
3. Saham hendaklah disifatkan sebagai tidak dipegang jika saham itu dipegang:
 - (i) melalui penama;
 - (ii) dalam suatu sifat fidusiari; atau
 - (iii) menurut peruntukan pemegang debentur, persuratan amanah untuk mendapatkan debentur atau aktiviti meminjam wang.
4. Jika suatu syarikat dikawal menurut perenggan 2(i) dan (ii) oleh dua atau lebih syarikat, syarikat itu (syarikat kedua yang disebut) hendaklah dianggap sebagai dikawal oleh syarikat pertama yang disebut yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua

atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.

5. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memperoleh perkhidmatan sewaan atau pajak daripada mana-mana syarikat selain daripada orang berdaftar asing dalam kumpulan syarikat yang sama di luar Malaysia, perkhidmatan itu dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.
6. Jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajak kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di luar atau di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah menjadi perkhidmatan bercukai.
7. Walau apa pun di perenggan 6, jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajak kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan sewaan atau pajak yang diberikan kepada mana-mana syarikat di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah dikecualikan daripada kenaan cukai perkhidmatan dengan syarat bahawa jumlah nilai perkhidmatan sewaan atau pajak kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat itu dalam tempoh 12 bulan tidak melebihi 5% daripada jumlah nilai perkhidmatan sewaan atau pajak.

VII. Perkhidmatan Sewaan Atau Pajak Pesawat Udara Dan Kapal Laut

Perkhidmatan sewaan atau pajak pesawat udara tidak termasuk dron dan kapal laut meliputi apa-apa kapal yang berlayar atau bergerak di atas air atau di bawah permukaan air tetapi tidak termasuk *floating storage unit* (FSU) dan seumpamanya diberi pengecualian daripada cukai perkhidmatan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Contoh 21

Syarikat EMD Sdn Bhd (Malaysia) menyewa sebuah kapal layar dari LTM Lumut Sdn Bhd yang berpangkalan di Marina Bay, Pulau Pinang. Perkhidmatan sewaan kapal layar tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

MENGAKAUNKAN CUKAI PERKHIDMATAN

27. Orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan hendaklah mengeluarkan invois dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan berdasarkan nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan.

28. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan seperti berikut:

- i. **Pada masa bayaran diterima ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan.**

Contoh 22

Syarikat SPM Sdn Bhd (SPMSB) telah menjadi orang berdaftar di bawah Kumpulan K pada Ogos 2025. Syarikat ini menyewakan ruang pejabat kepada Syarikat RLL Sdn Bhd pada September 2025 dan menerima pembayaran pada November 2025. SPMSB hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan pada tempoh bercukai November - Disember 2025.

- ii. **Sekiranya keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan tidak diterima dalam tempoh 12 bulan selepas perkhidmatan diberikan, maka cukai perkhidmatan hendaklah dibayar selepas tamat tempoh 12 bulan tersebut.**

Contoh 23

SPMSB juga menyediakan sewaan dewan kepada Syarikat STL Sdn Bhd pada 1 Oktober 2025. Syarikat STL Sdn Bhd menghadapi masalah kewangan dan menyebabkan pembayaran sewaan tertangguh. SPMSB hanya menerima pembayaran pada 1 November 2026. Oleh kerana pembayaran diterima selepas berakhirnya tempoh 12 bulan, SPMSB perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan

tersebut mengikut tempoh bercukai November - Disember 2026.

- iii. **Pada masa pembayaran di buat atau invois diterima, mana-mana lebih awal bagi perkhidmatan bercukai diimport.**

Contoh 24

Syarikat KFE Sdn Bhd menyewa mesin gerudi daripada MCH Pte Ltd dari Singapura untuk digunakan di Malaysia pada 1 Julai 2025. Syarikat KFE Sdn Bhd telah menerima invois pada 10 Julai 2025 dan membuat pembayaran pada 1 Oktober 2025. Syarikat KFE Sdn Bhd hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai diimport dalam tempoh bercukai Julai - Ogos 2025.


PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

29. Penyedia perkhidmatan sewaan atau pajak yang telah mencapai jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan (nilai ambang) bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

30. Bagi tujuan pendaftaran di bawah ACP 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan sewaan atau pajak hendaklah membuat pengiraan ke atas jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan semasa dan sebelas bulan ke hadapan. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM 1 juta, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dimohon tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

Ilustrasi 2



31. Berdasarkan Ilustrasi 2 di atas, jika nilai ambang telah dicapai pada bulan Ogos 2025, tempoh pendaftaran adalah sepanjang bulan September 2025. Pendaftaran akan berkuat kuasa pada 1 Oktober 2025 seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(3), ACP 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Oktober 2025.

32. Bagi orang berdaftar sedia ada di bawah mana-mana kumpulan atau di bawah butiran 7, Kumpulan I, Jadual Pertama, PPCP 2018 iaitu perkhidmatan sewaan kenderaan penumpang adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pendaftaran dengan menambah perkhidmatan bercukai baharu iaitu Kumpulan K jika menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan.

Contoh 25

Syarikat ALX menyediakan perkhidmatan sewaan kereta dan pandu. Syarikat ALX telah menjadi orang berdaftar di bawah butiran 7, Kumpulan I bermula Januari 2021. Bermula 1 Julai 2025, Syarikat ALX hendaklah mengemaskini maklumat perkhidmatan bercukai di dalam pendaftaran di bawah Kumpulan K: Sewaan atau Pajakan.

33. Manakala, mana-mana orang yang telah berdaftar di bawah Jadual Pertama, (Kumpulan A hingga E) sebelum 1 Julai 2025 dan menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan tidak perlu membuat pendaftaran baharu. Orang berdaftar tersebut hendaklah mengemas kini maklumat pendaftaran baharu sedia ada dengan menambah perkhidmatan sewaan atau pajakan, serta terus mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan yang diberikan.

34. Orang berdaftar sedia ada di bawah kumpulan lain selain Kumpulan A hingga E, perkhidmatan sewaan atau pajakan hendaklah di tambah ke dalam maklumat pendaftaran sedia ada sebaik sahaja perkhidmatan tersebut mencapai nilai ambang secara berasingan. Rujuk Ilustrasi 3 berikut:

Ilustrasi 3

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Kod jenis perkhidmatan dalam sistem MySST	Tarikh capai nilai ambang	Tarikh bertanggung berdaftar	Tempoh mohon pendaftaran	Tarikh kuat kuasa pengenaan cukai perkhidmatan
1.	Kumpulan I, Butiran 13 : Pembersihan	9909141686 <i>Cleaning Services</i>	8.12.2022	31.12.2022	1-31 Januari 2023	1.2.2023
2.	Kumpulan K, Sewaan atau Pajakan (penambahan perkhidmatan bercukai baharu)	9911011507 <i>Rental or Leasing</i>	15.7.2025	31.7.2025	1-31 Ogos 2025	1.9.2025

35. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- Menggunakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- Mengeluarkan invoice seperti yang ditetapkan di bawah akta kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;

- iv. Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan selama 7 tahun.

36. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan dan Panduan Spesifik yang berkaitan dalam Portal MySST.

TEMPOH PERALIHAN

Kesan Perubahan Dalam Perkhidmatan Bercukai

37. Berdasarkan Peraturan 3A, PPCP 2018, jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- i. Dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu.
- ii. Dalam hal suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh perubahan itu.

Contoh 26

Syarikat P telah menandatangani kontrak pajakan tanah dengan Syarikat Q untuk tempoh Jun 2023 sehingga Mei 2027. Perkhidmatan pajakan bagi tempoh dari bulan Jun 2023 sehingga Jun 2025 adalah bukan suatu perkhidmatan bercukai manakala bagi tempoh dari Julai 2025 sehingga tamat kontrak adalah suatu perkhidmatan bercukai.

- iii. Dalam hal jika suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dan sebelum tarikh perubahan itu apa-apa bayaran diterima (penuh atau sebahagian) berkaitan dengan perkhidmatan itu yang

akan diberikan pada atau selepas tarikh perubahan itu, tiada cukai perkhidmatan dikenakan ke atas bayaran yang diterima itu.

Contoh 27

Syarikat BC Sdn Bhd telah membayar caj sewaan mesin pembajak kepada Syarikat PC Sdn Bhd pada bulan Mac 2025 untuk menjalankan aktiviti pertanian yang akan bermula bulan Julai 2025. Syarikat PC Sdn Bhd telah menjadi orang berdaftar SST pada Julai 2025. Bayaran yang diterima bagi perkhidmatan sewaan mesin pembajak daripada Syarikat BC Sdn Bhd adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **S : Bilakah tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan?**

J : Tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah 1 Julai 2025.
2. **S : Berapakah jumlah nilai perkhidmatan bercukai (nilai ambang) bagi pendaftaran perkhidmatan sewaan atau pajakan?**

J : Jumlah nilai perkhidmatan bercukai (nilai ambang) bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah RM1 juta bagi tempoh dua belas (12) bulan.
3. **S : Berapakah kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan?**

J : Kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah 8% bagi tempoh mulai 1 Julai 2025 sehingga 31 Disember 2025, dan 6% bagi tempoh bermula 1 Januari 2026.
4. **S : Apakah kesan penurunan kadar cukai daripada 8% kepada 6% terhadap perjanjian sewaan kedai saya yang telah ditandatangani dan berkuat kuasa pada 1 Oktober 2025 bagi tempoh tiga (3) tahun?**

J : Walaupun perjanjian ditandatangani semasa kadar cukai 8% berkuat kuasa, kadar cukai yang dikenakan adalah berdasarkan tarikh perkhidmatan diberikan. Bagi tempoh sewaan bermula 1 Januari 2026, kadar cukai 6% hendaklah digunakan.
5. **S : Syarikat saya telah berdaftar di bawah butiran 13, Kumpulan I sebagai penyedia perkhidmatan pembersihan bangunan komersial. Adakah saya perlu berdaftar semula sekiranya menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan?**

J : Tidak perlu. Bagi syarikat yang telah berdaftar di bawah butiran 13, Kumpulan I, Jadual Pertama, pendaftaran semula tidak diperlukan.

Syarikat hanya perlu mengemaskini maklumat pendaftaran dengan menambah maklumat perkhidmatan bercukai baharu tersebut (perkhidmatan sewaan atau pajak).

6. **S : Adakah cukai perkhidmatan dikenakan sekiranya syarikat memberi perkhidmatan pajak di mana pemilikan aset dipindahkan kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajak?**

J : Tidak. Pemilikan aset dipindahkan kepada penerima pajak pada akhir tempoh pajak adalah pajak kewangan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

7. **S : Encik MBS menandatangani kontrak sewa beli penapis air selama 5 tahun di mana penapis air tersebut akan menjadi hak milik Encik MBS pada akhir tempoh kontrak. Adakah penyewaan penapis air ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tidak. Apa-apa penyewaan di bawah kontrak sewa beli adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. **S : JNY Enterprise telah melantik FDB Enterprise untuk perkhidmatan sewaan mesin penjana kuasa elektrik bagi tempoh selama 3 bulan. Perkhidmatan sewaan mesin penjana kuasa elektrik telah diberikan oleh FDB Enterprise kepada JNY Enterprise pada bulan Februari 2025 hingga Mei 2025 dan pembayaran dibuat pada Julai 2025. Apakah layanan cukai perkhidmatan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh FDB Enterprise ini?**

J : Perkhidmatan sewaan mesin penjana kuasa elektrik yang diberikan oleh FDB Enterprise kepada JNY Enterprise pada bulan Februari 2025 hingga Mei 2025 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan diberikan sebelum tarikh kuat kuasa 1 Julai 2025.

9. **S** : Jika saya menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan aset yang terletak di luar Malaysia, adakah saya perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan?

J : Tidak perlu. Perkhidmatan sewaan atau pajakan aset atau harta yang terletak di luar Malaysia adalah tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

10. **S** : ABC Sdn Bhd menyewakan rumah kediaman sebanyak RM1,500.00 sebulan dan menyewakan sebuah gudang dengan sewaan sebanyak RM20,000.00 sebulan. Berapakah cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan oleh ABC Sdn Bhd?

J : Perkhidmatan sewaan bagi rumah kediaman adalah tidak tertakluk kepada dikenakan cukai perkhidmatan. Sehubungan itu, cukai perkhidmatan yang perlu diakaunkan adalah untuk sewaan gudang sahaja:-
 $RM20,000.00 \times 6\% = RM1,200.00$

11. **S** : Syarikat YYY Sdn Bhd adalah syarikat yang menyediakan perkhidmatan sewaan mesin yang tempat perniagaan utamanya terletak di Ipoh. Syarikat YYY Sdn Bhd telah menandatangani kontrak untuk menyewakan mesin gerudi kepada pelanggannya yang terletak di Zon Bebas Kinta, Perak dan Pulau Pangkor untuk suatu tempoh masa.

Adakah perkhidmatan sewaan mesin gerudi tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan sewaan tersebut diberikan kepada pelanggannya yang berada di kawasan khas dan kawasan yang ditetapkan?

J : Perkhidmatan sewaan atau pajakan yang disediakan oleh mana-mana orang berdaftar yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia ke kawasan khas atau kawasan yang ditetapkan, atau sebaliknya, adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Dalam kes ini, Zon Bebas Kinta terletak di Kawasan Khas dan Pulau Pangkor berada di kawasan yang ditetapkan. Oleh itu, Syarikat YYY Sdn Bhd hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas penyediaan

perkhidmatan sewaan kepada pelanggan-pelanggannya.

12. **S** : **Syarikat P&D Sdn Bhd yang terletak di Kuala Kedah telah menyewakan bot peranginan yang berpangkalan di Pulau Pinang kepada Syarikat KAL Sdn Bhd yang terletak di Pulau Pinang. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J** : Perkhidmatan sewaan bot peranginan oleh Syarikat P&D Sdn Bhd kepada Syarikat KAL Sdn Bhd adalah diberikan pengecualian daripada cukai perkhidmatan.
13. **S** : **Adakah cukai perkhidmatan dikenakan ke atas deposit yang diterima daripada pelanggan bagi perkhidmatan sewaan?**
- J** : Deposit yang diterima bagi tujuan sekuriti dan akan dipulangkan (*refundable*) adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jika deposit yang diterima adalah sebahagian daripada pembayaran perkhidmatan, maka ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
14. **S** : **Encik SSZ menyewa sebuah kenderaan dari Syarikat JJO Sdn Bhd untuk tempoh setahun bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025. Keseluruhan bayaran sewaan telah dibuat pada 1 Januari 2025. Adakah sewaan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J** : Tidak. Ini adalah kerana bayaran telah diterima sepenuhnya oleh Syarikat JJO Sdn Bhd sebelum tarikh kuat kuasa.
15. **S** : **Syarikat BHX Sdn Bhd memajak sebidang tanah daripada Syarikat DEA Sdn Bhd untuk tempoh 10 tahun bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2034. Berdasarkan perjanjian yang ditandatangani, terdapat terma perjanjian tersebut boleh disemak semula (*reviewable contract*). Syarikat telah menerima bayaran pajakan secara bulanan bagi tempoh Januari sehingga Jun 2025. Adakah syarikat DEA Sdn Bhd perlu mengenakan cukai perkhidmatan bagi tempoh Julai 2025 dan seterusnya?**

J : Ya. Syarikat DEA Sdn Bhd perlu mengenakan cukai perkhidmatan bagi tempoh Julai 2025 dan seterusnya.

16. **S** : **Syarikat ABC Holdings Sdn. Bhd. menyewakan mesin pencetak kepada Syarikat DEF Sdn Bhd dengan harga sewaan bulanan RM 1,000.00 sebulan. Di dalam kontrak menyatakan penalti sebanyak 10% daripada bayaran sewaan bulanan akan dikenakan kepada DEF sekiranya lewat membuat bayaran. Adakah penalti tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Penalti tidak dikategorikan sebagai suatu penyediaan perkhidmatan bercukai. Justeru tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

17. **S** : **FRMN Enterprise merupakan perusahaan kecil yang menjalankan perniagaan percetakan mempunyai jualan tahunan sebanyak RM450,000 setahun. FRMN Enterprise menyewa satu unit kedai daripada Syarikat EMD Property Sdn. Bhd. yang merupakan orang berdaftar cukai perkhidmatan. Adakah perkhidmatan sewaan kepada FRMN Enterprise tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan sewaan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, FRMN Enterprise sebagai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan hasil tahunan kurang daripada RM1.5 juta layak memperoleh pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan di bawah kuasa Menteri Kewangan melalui peruntukan subseksyen 34(3)(a) ACP 2018. Permohonan pengecualian tersebut hendaklah dilakukan oleh pihak penyewa melalui Sistem MyPMK.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

18. **S** : Adakah persatuan sukan juga layak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan bagi pembayaran sewaan?

J : Persatuan sukan yang menjalankan perniagaan layak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan melalui kemudahan pengecualian PMKS tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan pengecualian tersebut hendaklah dikemukakan oleh pihak penyewa melalui Sistem MyPMK.

19. **S** : Pihak Berkuasa Tempatan telah berdaftar di bawah Kumpulan K. Antara perkhidmatan sewaan yang diberikan adalah penyediaan perkhidmatan sewaan ruang niaga dan dewan.

Adakah sijil MyPMK yang diperoleh oleh PMKS boleh digunakan, bagi mendapatkan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas sewaan dewan untuk kegunaan peribadi seperti majlis kenduri kahwin?

J : Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajak diberikan kepada penyewa yang berstatus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mengurangkan kos operasi perniagaan. Oleh itu, perkhidmatan sewaan kepada PMKS yang memiliki sijil pendaftaran MyPMK bagi kegunaan peribadi dan bukan untuk tujuan perniagaan adalah tidak layak menggunakan pengecualian PMKS tersebut.

20. **S** : Pasaraya ABC Sdn Bhd menjalankan aktiviti promosi di pasar raya melalui penempatan paparan produk (*display*) yang diletakkan secara *homeself* di dalam lorong pasar raya dan mengenakan bayaran *display fee/ space buy/ display rental* kepada pihak peruncit. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas penempatan produk secara *homeself* oleh Pasaraya ABC Sdn Bhd tersebut?

J : Penempatan paparan produk (*display*) secara *homeself* kepada peruncit adalah suatu perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan sewaan atau pajak.

21. **S** : Syarikat ABC Sdn Bhd melantik Syarikat Data Ria untuk menyediakan ruang pusat data (*data centre*) bagi penyimpanan perkakasan dan server kepunyaan Syarikat ABC Sdn Bhd iaitu menyediakan perkhidmatan lokasi bersama (*colocation*). Adakah Perkhidmatan lokasi bersama (*colocation*) yang disediakan oleh Syarikat Data Ria adalah perkhidmatan sewaan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah ruang (2), Kumpulan K, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018?
- J** : Ya, perkhidmatan lokasi bersama (*colocation*) yang disediakan oleh Syarikat Data Ria adalah perkhidmatan bercukai di bawah sewaan atau pajakan.
22. **S** : Syarikat IT Ceria Sdn. Bhd. telah mendapatkan perkhidmatan *colocation* daripada Data Best Sdn. Bhd. Berdasarkan perjanjian yang dimeterai, Data Best Sdn. Bhd. menyediakan ruang *colocation* bersama beberapa perkhidmatan tambahan, iaitu *disposal of waste*, *remote hands services*, *cross-connects*, *portal access* serta caj semula penggunaan tenaga elektrik. Kesemua perkhidmatan ini diperuntukkan di bawah satu perjanjian yang dikenali sebagai *Colocation and Data Center Services Agreement*. Adakah perkhidmatan tambahan tersebut diklasifikasikan sebagai perkhidmatan sewaan atau pajakan?
- J** : Ya, perkhidmatan tambahan tersebut diklasifikasikan sebagai perkhidmatan sewaan atau pajakan. Penyediaan semua jenis perkhidmatan sewaan atau pajakan termasuk apa-apa perkhidmatan lain yang menjadi sebahagian daripada perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
23. **S** : Syarikat URDK Sdn Bhd (SUSB) telah menandatangani Perjanjian Pajak tanah bertarikh 30 Januari 2026 dengan Perbadanan Pembangunan Negeri (PDN) bagi tanah industri seluas kira-kira 2 ekar untuk tempoh 60 tahun dengan jumlah bayaran RM7,500,000.00

mengikut jadual yang dipersetujui. Walaupun tempoh pajakan yang panjang serta elemen pemindahan risiko dan manfaat memberi ciri-ciri menyerupai pajakan kewangan, perjanjian tersebut dengan jelas menetapkan bahawa hak milik tanah tidak dipindah milik kepada SUSB pada akhir tempoh pajakan.

Adakah perjanjian sewaan atau pajakan ini boleh dikategorikan sebagai perjanjian kewangan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan pajakan antara SUSB dan PDN seperti yang dinyatakan dalam perjanjian pajakan bertarikh 30.01.2026 selama tempoh 60 tahun di kategorikan sebagai perkhidmatan sewaan dan pajakan tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, PPCP 2018 kerana dalam perjanjian sewaan atau pajakan ini dengan jelas menyatakan tidak berlakunya pemindahan aset atau tanah kepada SUSB pada tempoh akhir pajakan.

24. **S** : **Restoran DEF telah menjadi orang berdaftar di bawah Kumpulan B, Makanan dan Minuman sejak 1 Januari 2022 dan menyediakan perkhidmatan sewaan ruang niaga kepada peniaga roti canai. Adakah sewaan ruang niaga ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan selepas peluasan skop bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025?**

J : Ya, perkhidmatan sewaan ruang niaga oleh Restoran DEF tertakluk kepada cukai perkhidmatan mulai 1 Julai 2025.

25. **S** : **ABC Marine Sdn Bhd merupakan pemilik kapal telah menyewakan kapal beserta anak kapal kepada penyewa untuk tempoh tertentu. Pemilik bertanggungjawab atas navigasi, pengurusan, dan pembayaran gaji kru , manakala penyewa mempunyai kawalan operasi penuh dan penggunaan kapal bagi melaksanakan projek mereka dengan membayar kadar sewa harian serta menanggung kos bahan api dan perbelanjaan operasi pelabuhan. Adakah sewaan kapal**

tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Sewaan kapal tersebut merupakan perkhidmatan bercukai. Walau bagaimanapun, perkhidmatan tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan di bawah sub seksyen 34(3)(a) dan 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018, tertakluk kepada syarat bahawa kapal tersebut memenuhi definisi kapal laut dan tidak termasuk *floating storage units* (FSU) serta yang seumpamanya.

26. **S** : **ABC Properties Sdn. Bhd. (pemilik) menyewakan sebuah lot kedai kepada XYZ Mart Sdn. Bhd. (penyewa). Dalam perjanjian sewaan, pemilik meminta pihak penyewa mendaftarkan bil elektrik dan bil air atas nama penyewa bagi lot kedai tersebut sepanjang tempoh sewaan. Semua bayaran utiliti dibuat sendiri oleh pihak penyewa kepada syarikat utiliti berkaitan. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?**

J : Dalam situasi ini, bayaran utiliti tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana bayaran dibuat terus oleh penyewa kepada syarikat utiliti dan bukan dicaj oleh tuan tanah.

27. **S** : **Kancil Services Sdn. Bhd. (penyewa) menyewa sebuah pejabat daripada Kijang Properties Sdn. Bhd. (pemilik), di mana bil elektrik pejabat tersebut masih didaftarkan atas nama pemilik. Dalam perjanjian sewaan, pemilik meminta pihak penyewa membuat bayaran terus kepada syarikat utiliti berdasarkan bil asal yang diterima, tanpa melalui atau melibatkan pihak pemilik.**

Dalam pada itu, pihak pemilik juga tidak mengeluarkan sebarang invois, bil atau caj semula kepada penyewa berhubung penggunaan utiliti tersebut. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?

J : Dalam situasi ini, bayaran utiliti berkenaan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia hanya merupakan bayaran yang dibuat oleh penyewa bagi pihak pemilik kepada syarikat utiliti, tanpa sebarang elemen caj semula atau pembekalan semula perkhidmatan oleh pemilik kepada

penyewa.

28. **S** : **Landsmile Properties Sdn. Bhd. (pemilik) menyewakan beberapa unit pejabat kepada penyewa di dalam bangunannya. Bil elektrik daripada TNB didaftarkan atas nama pemilik. Dalam perjanjian sewaan menyatakan bahawa pemilik bangunan akan membayar dahulu bil elektrik tersebut kepada syarikat utiliti. Selepas itu, pemilik membahagikan semula kos penggunaan elektrik kepada setiap penyewa berdasarkan bacaan meter atau kadar penggunaan masing-masing.**

Seterusnya, pemilik bangunan mengeluarkan bil kepada penyewa bagi tujuan bayaran balik utiliti tersebut tanpa mengenakan sebarang caj tambahan. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?

- J** : Dalam situasi ini, caj utiliti yang dikenakan semula oleh pemilik kepada penyewa adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia merupakan sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan yang disediakan oleh pemilik bangunan kepada penyewa.

29. **S** : **Aurora Business Park Sdn. Bhd. (pemilik) menyewakan beberapa unit pejabat kepada penyewa di dalam bangunannya. Bil air dan elektrik daripada penyedia utiliti didaftarkan atas nama pemilik. Dalam perjanjian sewaan menyatakan bahawa pemilik bangunan akan membayar dahulu bil air dan bil elektrik tersebut kepada syarikat utiliti.**

Kemudian, pemilik membahagikan semula kos penggunaan utiliti tersebut kepada setiap penyewa berdasarkan kadar penggunaan masing-masing. Selain menuntut semula jumlah sebenar bil utiliti, pemilik bangunan juga mengenakan caj tambahan sebanyak 5% sebagai caj pengurusan utiliti. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?

- J** : Dalam situasi ini, jumlah keseluruhan caj utiliti yang dikenakan kepada penyewa, termasuk caj tambahan tersebut, adalah tertakluk kepada cukai

perkhidmatan kerana ia adalah sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan yang disediakan oleh pemilik bangunan kepada penyewa.

30. **S** : **Sunrise Commercial Sdn. Bhd. menyewakan sebuah lot kedai kepada Easy Mart Sdn. Bhd. Dalam perjanjian sewaan, bayaran sewaan yang dikenakan adalah RM8,000 sebulan dan merangkumi semua kos seperti elektrik, air, internet dan perkhidmatan pembersihan tanpa pengasingan caj dalam invois. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?**

J : Jumlah RM8,000 tersebut yang merangkumi nilai kos-kos utiliti dan perkhidmatan lain adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia merupakan nilai perkhidmatan sewaan yang disediakan oleh pemilik bangunan kepada penyewa.

31. **S** : **Sumu Building Sdn. Bhd. menyewakan ruang niaga kepada KMF Sdn. Bhd. Di bawah perjanjian sewaan, bayaran bulanan sebanyak RM5,000 termasuk sewaan premis serta caj elektrik dan air sehingga had penggunaan tertentu yang ditetapkan oleh pemilik bangunan. Sekiranya penggunaan elektrik atau air melebihi had tersebut, pihak pemilik bangunan akan mengenakan caj tambahan utiliti kepada penyewa berdasarkan penggunaan lebihan sebenar. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?**

J : Dalam situasi ini, keseluruhan caj termasuk caj tambahan utiliti yang dikenakan kepada penyewa adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia adalah sebahagian daripada perkhidmatan sewaan atau pajakan yang disediakan oleh pemilik bangunan.

[RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 6, Tower A, Suasana PjH

Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

1. Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
2. Pusat Panggilan Kastam:-
 - Tel : 1-300-888-500
 - Fax : 03-8882 2100 / 2300 / 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my